

# **RINGKASAN BAJET 2012**

## **WANITA**

1. RM50 juta bagi menyediakan perkhidmatan suntikan percuma imunisasi Human Papilloma Virus (HPV).
2. Hospital untuk wanita dan kanak-kanak di Kuala Lumpur dengan kos RM700 juta.
3. RM10 juta untuk melaksanakan program-program bagi menarik wanita masuk ke pasaran pekerjaan.
4. RM2.1 bilion untuk pembiayaan pinjaman mikro kepada usahawan terutamanya wanita.

## **KANAK-KANAK**

1. Pemansuhan yuran ko-kurikulum sekolah

## **WARGA EMAS**

1. Penyelarasan pencen yang melibatkan peruntukan sebanyak RM600 juta dengan kenaikan 2% setahun tanpa menunggu penyelarasan gaji.
2. Pelanjutan umur persaraan daripada 58 tahun kepada 60 tahun.
3. Mulai 1 Januari 2012, semua warganegara yang berumur 60 tahun dan ke atas akan dikecualikan caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta pergigian milik Kerajaan.
4. Diskaun sebanyak 50% tambang LRT dan Monorel.
5. Pelepasan cukai baru sehingga RM3,000 ke atas caruman dalam skim ini, potongan cukai ke atas caruman majikan, dan pengecualian cukai ke atas pendapatan di bawah Skim Persaraan Swasta.
6. Tambahan bayaran bantuan sebanyak RM500 lagi kepada pesara Kerajaan.

## **GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH**

7. RM1.2 bilion bagi program Kebajikan Rakyat 1Malaysia @ KARISMA.
8. Bantuan RM500 kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah.
9. Bantuan persekolahan RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah kepada keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana.